

# PKKR jadi pusat sehati Rela

Bantu tangani kes jenayah di kawasan penduduk, sedia khidmat komuniti

**KANCHONG DARAT** - Pusat Khidmat Komuniti Rela (PKKR) perlu diaktifkan dalam usaha meyakinkan komuniti menangani kes jenayah.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Alwi Ibrahim berkata, terdapat 780 PPKR seluruh negara yang dibina kerajaan hasil sumbangan syarikat dan individu.

Menurutnya, penggunaan PPKR juga akan dioptimumkan sebagai pusat sehati kepada aktiviti Rela selain khidmat komuniti.

"PKKR juga dapat membangkitkan semangat anggota Rela di sesebuah kawasan untuk terus berkhidmat.

"Selaras dengan slogan Rela 'Dari Rakyat, Bersama Rakyat, Untuk Rakyat', peranan dan fungsi PPKR hendaklah dipelbagaikan sebagai pusat yang turut menyediakan khidmat komuniti," katanya ketika merasmikan PPKR Kanchong Darat, di sini, kelmarin.

Menurutnya, kehadirannya ke majlis itu ibarat sirih pulang ke ganggang kerana kawasan itu kampung halam-



**MOHD AYUB**

annya sekali gus menjadi tanggungjawab beliau mewujudkan sebuah pusat sehati.

"Walaupun kawasan ini kampung sendiri, saya mahu masyarakat terus menyalurkan aduan terutama teguran berkaitan perkhidmatan KDN.

"Saya pernah terima beberapa surat aduan daripada penduduk dan saya ambil tindakan penyelesaian," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Rela Malaysia, Datuk Kamariah Mohd Noah berkata, program berkenaan memberi semangat kepada anggota keselamatan itu me-



**Alwi disambut ketika tiba di PPKR Kanchong Darat.**

mastikan transformasi dalam Rela bergerak seiring dengan kerajaan selain membantu mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara.

Katanya, ahli Rela sepatutnya bangga apabila dianggap duta kecil kerajaan dalam membantu menangani isu setempat berkaitan keselamatan, keharmonian, keamatan dan perpaduan.

"Kita faham tugas Rela di peringkat kampung dan luar

bandar aktif, namun keaktifan itu perlu dipelbagaikan.

"Kita juga bangga apabila melihat komuniti Rela di Kuala Langat mampu menarik minat pelbagai pihak turut serta dalam aktiviti Rela," katanya.

Dalam program berkenaan, seramai tujuh penerima diberikan cek insurans berkekelompok Rela Negeri Selangor selain pelantikan Ketua Platoon Rela (KPR) di empat daerah iaitu Kuala Langat, Kuala

Selangor, Sabak Bernam dan Gombak.

Ketua Perhubungan Rela Kawasan Kanchong Darat, Mohd Ayub Ahmad Arshad berhasrat menjadikan PPKR itu sebagai contoh untuk menarik minat komuniti menyertai Rela.

"Penyertaan Rela pelbagai latar belakang dapat mewujudkan komuniti yang bersatu padu tanpa mengira ideologi politik," katanya.



**Alwi meninjau PPKR Kanchong Darat yang dirasmikannya sambil diperhatikan Kamariah (kanan)**

# Kebocoran gas punca kenderaan terbakar

## BANDARSUNGAIEMAS

-Sebuah Toyota Hilux yang berhenti di tepi jalan di Bandar Sungai Emas di sini, terbakar kira-kira jam 10.06 pagi, kelmarin.

Saksi kejadian, dikenali sebagai Khairul berkata, dia yang berada di rumah ketika itu dikejutkan dengan bunyi letupan.

"Rumah saya tak jauh dari tempat kejadian... masa tu saya nampak Toyota Hilux berhenti sebelum ada letupan pelik dan terbakar.

"Saya tak fikir panjang dan terus telefon bomba. Nasib baik bomba sampai cepat untuk padamkan api," katanya.

Sementara itu, Pegawai Bomba Banting, Mohd Jaslizad Jalil berkata, siasatan mendapati terdapat kebakaran tong gas kimpalan (accetylene) dalam kenderaan itu yang menyebabkan kenderaan terbabit meletup dan terbakar.



Anggota bomba bertungkus-lumus memadamkan api.

Katanya, tiada mangsa dalam kenderaan ketika kejadian berkenaan.

"Pemadaman yang berpunca daripada kebocoran gas itu dilakukan menggunakan dua aliran salur bantu,

mula dari pam jentera bomba sehingga kebakaran tersebut padam sepenuhnya.

"Api dapat dikawal kira-kira tujuh minit kemudian dan operasi tamat sekitar jam 10.30 pagi," katanya.

# Kongsi tips cemerlang UPSR

**BANTING** - Seramai 350 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dalam daerah Kuala Langat didedahkan teknik menjawab soalan dalam Bengkel UPSR Skor A peringkat daerah itu di Kompleks Sukan Banting, kelmarin.

Bengkel anjuran ahli Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) itu menyediakan beberapa guru berpengalaman sebagai penceramah untuk berkongsi tips cemerlang UPSR.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng ber-

kata, program itu sememangnya bermanfaat kepada semua calon UPSR tahun ini.

"Ibu bapa turut memberi maklum balas yang positif dengan memuji keberkesanan bengkel itu yang memotivasikan murid untuk belajar bersungguh-sungguh dan cemerlang dalam peperiksaan.

"Kita puji penganjur kerana peka dengan keperluan calon UPSR dan kita harap peserta dapat manfaat daripada bengkel ini," katanya ketika merasmikan bengkel, semalam.



Chee Heng (tiga, kiri) ketika hadir merasmikan bengkel berkenaan, semalam.